

1978

FRANKFURT, 24 MEI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGUMUMKAN CADANGAN MENJADIKAN PULAU PINANG SEBAGAI PINTU KELUAR BAGI PARA PELANCONG KE TIMUR.

BELIAU MEMBERITAHU TIGA PENGUSAHA PELANCONGAN DAN PENERBANGAN SEWA KHAS JERMAN BARAT YANG TERKEMUKA DI SATU PERTEMUAN DI HOLIDAY INN DI SINI BAHAWA MALAYSIA AKAN MENERIMA PENERBANGAN SEWA KHAS DARIPADA JERMAN KE PULAU PINANG.

PADA MASA INI, PENERBANGAN SEWA KHAS DARI JERMAN PERGI KE BANGKOK YANG MERUPAKAN TEMPAT PEMBAGIAN BAGI PELANCONG-PELANCONG PERGI KE NEGARA-NEGARA LAIN DI RANTAU INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELEPAS MAJLIS PERTEMUAN ITU, + APA YANG KAMI INGINI IALAH SUPAYA MEREKA TERBANG TERUS KE PULAU PINANG+.

PULAU PINANG BOLEH MENJADI TEMPAT BERMULANYA PERJALANAN PARA PELANCONG DI RANTAU INI.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BEBERAPA WAKTU DIPERLUKAN UNTUK MEMPERKENALKAN MALAYSIA SEBELUM PARA PENGUSAHA BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN BAGI MELANCARKAN PENERBANGAN SEWA KHAS.  
--BERSAMBUNG 1200/BY

#### MAHATHIR-SEWA KHAS 2 FRANKFURT

TIGA BUAH SYARIKAT YANG MENEMUI DATUK SERI DR. MAHATHIR ITU IALAH +CONDOR+ IAITU SEBUAH ANAK SYARIKAT LUFTHANSA, YANG MERUPAKAN SYARIKAT SEWA KHAS JERMAN BARAT YANG TERBESAR. IA MENGADAKAN PENERBANGAN SEWA KHAS DUA KALI SEMINGGU KE BANGKOK.

+N-U-R (NECKERMANN AND REISEN), SEBUAH SYARIKAT PENGUSAHA PELANCONGAN YANG MENAWARKAN PELANCONGAN KE MALAYSIA DARI BANGKOK DAN +TERRAMAR+ YANG JUGA MENAWARKAN KUNJUNGAN KE MALAYSIA.

ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA BILANGAN PELANCONG JERMAN YANG PERGI KE BANGKOK TELAH BERKURANGAN, IAITU DARI 85,956 ORANG DALAM TAHUN 1976 KEPADA 79,061 ORANG DALAM TAHUN 1977.

SEBUAH DARIPADA SYARIKAT TERSEBUT DIFAHAMKAN TELAH MEMBERITAHU PERTEMUAN ITU BAHAWA SEKURANG-KURANG 20 SEWA KHAS DIPERLUKAN SEMUSIM (SETIAP MUSIM IALAH KIRA-KIRA ENAM BULAN) SEANDAINYA PENERBANGAN SEWA KHAS ITU BOLEH MENJIMATKAN.

SYARIKAT-SYARIKAT ITU JUGA BERPENDAPAT BAHAWA KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI KEBANYAKAN HOTEL-HOTEL TEPI PANTAI DI PULAU PINANG SEKARANG BELUM LAGI MENCUKUPI.

PROSES PEMBINAAN SEBUAH PASARAN SEWA KHAS AKAN MENGAMBIL MASA KIRA-KIRA TIGA TAHUN. --BERSAMBUNG 1203/BY

EE

B526

#### MAHATHIR - SEWA KHAS 3 FRANKFURT

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEMUI NAIB PRESIDEN BISON-WERKE UNTUK MEMBINCANGKAN SYOR SYARIKAT MENJALANKAN PROJEK PAPAN CAMPUR SIMEN DAN RUMAH RANGKA SIAP DI MALAYSIA.

KEMUDIAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERLEPAS KE NUREMBERG UNTUK MELIHAT KILANG BESIWAJA KLOCKNER.

SEMENTARA ITU, KIRA-KIRA 24 BUAH SYARIKAT TELAH MENGADAKAN RUNDINGAN/PERSENDIRIAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA ROMBONGAN ITU KELMARIN DAN HARI INI. -- BERNAMA 1205/RH